

Lawatan Akademik UiTM Shah Alam ke INSTUN

23 Mei - UiTM Shah Alam telah mengadakan Lawatan Akademik ke INSTUN bagi kursus GSS682 (Professional Practice). Seramai 82 pelajar UiTM diiringi 3 pensyarah telah hadir bersama pada hari ini.

Lawatan ini dimulai dengan sesi pengenalan kerjaya Juruukur kepada pelajar bagi memberi pendedahan awal memandangkan pelajar yang hadir merupakan pelajar tahun akhir peringkat ijazah. Kemudian pelajar dibawa ke Balai Cerap Tan Sri Harussani dan Pusat Kalibrasi Utiliti Bawah Tanah untuk menerangkan fungsi fasiliti berkenaan. Pada sesi akhir telah diadakan sesi santai bersama Pengarah INSTUN.





